



**LAPORAN SIASATAN EAIC
KE ATAS KES KEMATIAN
SYED MOHD AZLAN BIN SYED MOHAMED NUR
SEMASA DI DALAM TAHANAN
POLIS DIRAJA MALAYSIA**



**LAPORAN SIASATAN EAIC
KE ATAS KES KEMATIAN
SYED MOHD AZLAN BIN SYED MOHAMED NUR
SEMASA DI DALAM TAHANAN
POLIS DIRAJA MALAYSIA**

CETAKAN PERTAMA, 2016

@Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan

Hak cipta ini adalah milik Suruhanjaya. Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber atau kebenaran diperolehi daripada Suruhanjaya. Suruhanjaya menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran Suruhanjaya. Adalah perlu memaklumkan penggunaan. Hak cipta terpelihara.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

Aras 5, Bangunan Menara Usahawan
No. 18, Persiaran Perdana
62652 PUTRAJAYA

Emel: aduan@eaic.gov.my
Laman Web: www.eaic.gov.my

Direka dan dicetak di Malaysia oleh:

VISION COMPLETE SOLUTIONS

C-54-2 Jalan Danau Lumayan 1
Pusat Perniagaan Danau Lumayan
Bandar Sri Permaisuri
56000 Cheras, Kuala Lumpur

Emel: vision.complete.solutions@gmail.com
Laman Web: www.vcsolutions.com.my

ISI KANDUNGAN

1.	PENGENALAN	1
2.	PASUKAN PETUGAS	5
3.	TERMA-TERMA RUJUKAN PASUKAN PETUGAS	9
4.	RINGKASAN LATAR BELAKANG TANGKAPAN SI MATI	13 - 14
5.	TATACARA SIASATAN	17 - 26
6.	KETERANGAN SAKSI	29
7.	PEMETAAN PERJALANAN	29
8.	ANALISA DAN DAPATAN BERKAITAN	33 - 40
9.	DAPATAN SIASATAN	43 - 46
10.	PERAKUAN	49 - 50
11.	SENARAI LAMPIRAN	53 - 55

PENGENALAN

1. PENGENALAN

- 1.1 Pada 27 November 2014, kematian seorang tahanan bernama Syed Mohd Azlan bin Syed Mohamed Nur berumur 25 tahun (KP. No: 891026-01-5545) (dirujuk sebagai “si mati” selepas ini) semasa berada dalam tahanan polis telah mendapat liputan meluas oleh akhbar dan portal media sosial.
- 1.2 Pada tarikh yang sama, Mesyuarat Suruhanjaya Bil. 7/2014, setelah menimbang kertas pertimbangan dan mendapati terdapat unsur kepentingan awam berkaitan isu kematian tahanan tersebut, telah memutuskan selaras dengan peruntukan seksyen 28 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] bahawa suatu siasatan awal perlu dijalankan oleh Suruhanjaya ini bagi mengetahui latar belakang kejadian dan sebab yang membawa kepada kematian tahanan tersebut dan untuk mengenalpasti jika terdapat apa-apa perlakuan salah laku oleh anggota atau pegawai polis terhadap kematian tahanan tersebut.
- 1.3 Lanjutan daripada dapatan siasatan awal yang dijalankan oleh Pegawai Penyiasat Suruhanjaya, pada 2 Julai 2015, Mesyuarat Suruhanjaya telah memutuskan selaras dengan seksyen 17 Akta 700 supaya ditubuhkan satu Pasukan Petugas (*Task Force*) bagi melakukan siasatan penuh ke atas kematian tersebut.

PASUKAN PETUGAS

2. PASUKAN PETUGAS

2.1. Pasukan Petugas tersebut dianggotai oleh ahli-ahli berikut:

- (a) YA Datuk Yaacob bin Hj. Md. Sam
Pengerusi Suruhanjaya
- (b) YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli bin A. Hassan
Timbalan Pengerusi Suruhanjaya
- (c) Encik Alex Lee Sow Siong
Pesuruhjaya Suruhanjaya
- (d) Encik Kamal Baharin bin Omar
Setiausaha Suruhanjaya
- (e) Encik Ahmad Razif bin Mohd Sidek
Pegarah Bahagian Operasi Suruhanjaya
- (f) Puan Eda Mazuin binti Abdul Rahman
Penasihat Undang-Undang Suruhanjaya
- (g) Encik Hamzah bin Ibrahim
Pegawai Penyiasat Suruhanjaya
- (h) Encik Mohd Abd Shukor bin Yong
Pegawai Penyiasat Suruhanjaya
- (i) Puan Susan Anak Leo
Pegawai Penyiasat Suruhanjaya
- (j) Encik Mohd Arif bin Salleh
Pegawai Penyiasat Suruhanjaya.

**TERMA-TERMA
RUJUKAN PASUKAN
PETUGAS**

3. TERMA-TERMA RUJUKAN PASUKAN PETUGAS

Terma-terma Rujukan (*Terms Of Reference*) Pasukan Petugas adalah seperti berikut:

- 3.1 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat sebarang salah laku seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 24 Akta 700 oleh pegawai / anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) semasa mengendalikan tahanan tersebut;
- 3.2 Sekiranya terdapat salah laku dizahirkan, untuk menentukan dan mengenal pasti:
 - 3.2.1 bagaimana dan mengapa salah laku itu terjadi;
 - 3.2.2 apakah peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, *Standard Operating Procedures (SOP)* atau mekanisme yang menyebabkan atau mendorong kepada berlakunya salah laku tersebut; dan
 - 3.2.3 siapakah individu yang bertanggungjawab ke atas salah laku tersebut.
- 3.3 Untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau yang bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya dalam menyiasat kes kematian tahanan tersebut selaras dengan peruntukan Akta 700;
- 3.4 Untuk mengesyorkan apa-apa penambahbaikan atau penggubalan semula peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, SOP atau mekanisme bagi memastikan salah laku tersebut tidak berulang; dan
- 3.5 Untuk menyediakan dan mengedarkan laporan mengenai hasil dan dapatan siasatan dan syor-syor terhadapnya.

**RINGKASAN
LATAR BELAKANG
TANGKAPAN &
TAHANAN SI MATI**

4. RINGKASAN LATAR BELAKANG TANGKAPAN DAN TAHANAN SI MATI

- 4.1 Pada 19 September 2014 lebih kurang jam 1.00 pagi, A26 bersama tiga rakan lelaki dan seorang adik lelaki beliau serta seorang rakan wanita (bekas teman wanita si mati) telah pergi ke rumah di alamat No. 53, Kampung Dato' Abdul Ghani, Kota Tinggi, Johor untuk berjumpa dengan Syed Mohd Azlan bin Syed Mohamed Nur ("si mati") tetapi si mati tiada di rumah pada ketika itu.
- 4.2 Lebih kurang 30 minit kemudian, si mati pulang ke rumah di alamat tersebut bersama beberapa rakan si mati dengan menaiki sebuah kereta Proton Saga berwarna perak dan kereta Honda berwarna hitam. Si mati dan rakan-rakan si mati keluar daripada kereta dengan mengeluarkan senjata berbentuk sepucuk pistol berwarna perak dan sebilah pedang samurai lalu menyerang A26 dan rakan-rakannya sehingga mendatangkan kecederaan ke atas mereka.
- 4.3 Satu laporan polis telah dibuat oleh A26 di Balai Polis Sungai Rengit (Sg Rengit Rpt: 816/2014) bersabit dengan kejadian tersebut pada 19 September 2014 jam 4.45 pagi. Satu kertas siasatan telah dibuka oleh pihak polis untuk siasatan di bawah Seksyen 148 Kanun Keseksaan, iaitu kesalahan memiliki senjata di dalam rusuhan.
- 4.4 Berpandukan kepada maklumat, pada 3 November 2014, jam lebih kurang 3.30 pagi, sepasukan polis seramai 13 orang anggota termasuk pegawai yang diketuai oleh B1 yang berpangkat Inspektor telah membuat serbuan ke atas sebuah bilik di rumah bernombor 62, Kampung Simon, Teluk Ramunia, Sungai Rengit, Pengerang, Johor dan telah menangkap si mati. Tiada apa-apa senjata api dijumpai dari si mati.
- 4.5 Selepas ditangkap, si mati dibawa ke Balai Polis Sungai Rengit. Soal siasat telah dijalankan oleh pegawai dan anggota-anggota serbuan ke atas si mati di sebuah bilik di balai tersebut. Berpandukan maklumat yang dikatakan diberikan oleh si mati semasa soal siasat tersebut, pada jam lebih kurang 5.00 pagi, pihak polis telah pergi ke rumah bapa si mati di alamat No.13, Kampung Baru, Teluk Ramunia, Pengerang, Johor bagi mencari senjata api berupa sepucuk pistol.
- 4.6 Hasil daripada pemeriksaan yang dilakukan ke atas rumah tersebut, tiada apa-apa pistol dijumpai. Pihak polis seterusnya meminta Syed

Mohamed Nur bin Ali (bapa si mati) untuk hadir ke balai polis bagi soal siasat bersabit dengan maklumat yang diterima oleh pihak polis tersebut. Bapa si mati hadir ke Balai Polis Sungai Rengit pada jam lebih kurang 6.15 pagi. Setelah soal siasat selesai, bapa si mati pulang semula ke rumah beliau. Bapa si mati tidak dibenarkan berjumpa si mati yang ditahan di balai tersebut.

- 4.7 Pada jam lebih kurang 7.10 pagi pada hari yang sama, si mati telah dibawa oleh pihak polis menaiki kenderaan polis yang tidak bertanda iaitu Proton Waja bernombor pendaftaran WMJ 9174 dari Balai Polis Sungai Rengit untuk pergi ke Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Tinggi (IPD) bagi tujuan urusan reman ke atas si mati berkaitan kes Seksyen 148 Kanun Keseksaan bersabit Sg. Rengit Rpt: 816/2014 yang disiasat terdahulunya.
- 4.8 Semasa di dalam perjalanan ke IPD Kota Tinggi, A1 yang mengiringi si mati di dalam kereta WMJ 9174 mendapati si mati berada di dalam keadaan yang lemah dan tidak bermaya serta tidak memberikan sebarang respon kepada panggilan/pertanyaan yang dibuat oleh pegawai pengiring tersebut. A1 memaklumkan situasi si mati tersebut kepada B1 yang berada di tempat duduk penumpang hadapan kereta tersebut.
- 4.9 Atas arahan B1, mereka terus membawa si mati ke klinik berdekatan, iaitu Klinik Kesihatan Bandar Penawar. Setibanya mereka di Klinik Kesihatan Bandar Penawar pada jam lebih kurang 8.30 pagi, Dr. Mohd Mahdzan bin Mazelan (A18) melakukan pemeriksaan ke atas si mati dan mengesahkan bahawa si mati telah meninggal dunia.
- 4.10 Satu laporan polis tentang kematian si mati telah dibuat oleh B1 pada jam 10.15 pagi, 3 November 2014 melalui Bandar Penawar Report No. 002169/14.

TATACARA SIASATAN

5. TATACARA SIASATAN

5.1 Siasatan dijalankan dalam peringkat-peringkat berikut:

- 5.1.1 Pengumpulan maklumat awal oleh pegawai-pegawai Penyiasat Suruhanjaya untuk mendapatkan dokumen-dokumen yang relevan selaras dengan terma rujukan Pasukan Petugas;
- 5.1.2 Lawatan ke tempat kejadian;
- 5.1.3 Merekodkan keterangan saksi-saksi di bawah seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah dibaca bersama seksyen 32 Akta 700.

5.2 Merakam keterangan saksi-saksi:

- 5.2.1 Seramai 35 orang saksi telah diambil keterangan mereka (A1 hingga A31; dan B1 hingga B4).
- 5.2.2 Pegawai Penyiasat Suruhanjaya juga telah mengukur jarak perjalanan masa dari tempat si mati ditangkap di rumah No. 62, Kampung Simon, Teluk Ramunia, Sungai Rengit, Pengerang, Johor hingga ke Balai Polis Sungai Rengit dan juga perjalanan ke Klinik Kesihatan Bandar Penawar berdasarkan kepada kelajuan kenderaan semasa hari kejadian dan lokasi yang dinyatakan oleh saksi-saksi.

5.3 Senarai saksi-saksi terlibat dan penglibatan setiap saksi secara ringkas adalah seperti berikut:

5.3.1 **(B1) (Ketua operasi atau ketua pasukan serbuan):-**

- (a) B1 adalah pegawai yang mengetuai serbuan dan terlibat secara langsung dalam tangkapan ke atas si mati;
- (b) B1 mengetuai sesi soal jawab ke atas si mati; dan
- (c) B1 membuat laporan tangkapan dan kematian si mati.

5.3.2 **(B2) (Anggota serbuan/tangkapan):-**

- (a) B2 terlibat secara langsung dalam tangkapan ke atas si mati;

- (b) B2 mengiringi si mati dari tempat si mati ditangkap ke Balai Sungai Rengit;
- (c) B2 terlibat dengan soal siasat ke atas si mati;
- (d) B2 membawa masuk si mati ke dalam kereta untuk dibawa ke IPD Kota Tinggi; dan
- (e) B2 mengiringi si mati ke IPD Kota Tinggi.

5.3.3 (B3) (Anggota serbuan/tangkapan):-

- (a) B3 terlibat secara langsung dalam tangkapan ke atas si mati;
- (b) B3 menggari si mati dan membawa balik si mati ke Balai Polis Sungai Rengit;
- (c) B3 terlibat sama dalam soal siasat ke atas si mati; dan
- (d) B3 bersama B2 membawa masuk si mati ke dalam kereta pasukan untuk dibawa ke IPD Kota Tinggi.

5.3.4 (B4) (Anggota serbuan/tangkapan):-

- (a) B4 terlibat dalam operasi serbuan dan tangkapan ke atas si mati dan membuat kawalan bersama D/Sjn. (A1) di hadapan pintu bilik rumah di mana si mati ditangkap.

5.3.5 (A1) (Anggota serbuan/tangkapan):-

- (a) A1 terlibat dalam pasukan serbuan;
- (b) A1 turut mengiringi si mati semasa dibawa dari Balai Polis Sungai Rengit ke IPD Kota Tinggi; dan
- (c) A1 adalah anggota yang memaklumkan kepada B1 tentang keadaan si mati di dalam kereta ketika perjalanan ke IPD Kota Tinggi.

5.3.6 (A2) (Anggota serbuan):-

- (a) A2 terlibat dalam pasukan serbuan; dan

- (b) A2 merupakan pemandu kereta WMJ 9174 yang membawa si mati ke IPD Kota Tinggi.

5.3.7 **(A3) (Anggota serbuan):-**

- (a) A3 terlibat dalam pasukan serbuan; dan
- (b) A3 mengiringi si mati di dalam kereta dari Balai Polis Sungai Rengit ke IPD Kota Tinggi.

5.3.8 **(A4) (Pegawai Penyiasat pertama):-**

- (a) A4 adalah Pegawai Penyiasat pertama bagi Kertas Siasatan SDR/45/14 yang dibuka bagi siasatan kematian si mati; dan
- (b) A4 membawa mayat si mati dari Klinik Kesihatan Bandar Penawar ke Hospital Kota Tinggi dan kemudian ke Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru bagi tujuan bedah siasat (*post mortem*).

5.3.9 **(A5) (Pegawai Penyiasat kes kematian simati):-**

- (a) A5 adalah Pegawai Penyiasat yang mengambil alih siasatan kes kematian si mati daripada A4;
- (b) A5 adalah pegawai polis dari IPD Segamat yang ditugaskan mengambil alih siasatan kes kematian si mati.

5.3.10 **(A6) (Ketua Polis Daerah Kota Tinggi):-**

- (a) Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Johor yang mengarahkan A4 menjadi Pegawai Penyiasat SDR peringkat awal.

5.3.11 **(A7) (Anggota serbuan):-**

- (a) A7 terlibat dalam pasukan serbuan; dan
- (b) A7 merupakan anggota polis yang dikatakan telah merakamkan pengakuan si mati ketika soal siasat secara menggunakan telefon bimbit.

5.3.12 **(A8) (Anggota serbuan):-**

- (a) A8 terlibat dalam pasukan serbuan;

- (b) A8 terlibat melakukan pemeriksaan ke atas rumah bapa si mati (A31) untuk mencari pistol; dan
- (c) A8 telah menjemput bapa si mati datang ke balai bertujuan untuk memaklumkan kematian si mati.

5.3.13 (A9) (Anggota serbuan):-

- (a) A9 terlibat dalam pasukan serbuan.

5.3.14 (A10) (Anggota polis):-

- (a) A10 adalah anggota polis yang meminjamkan telefon kepada A7 untuk merakam pengakuan si mati.

5.3.15 (A11) (Anggota polis):-

- (a) A11 adalah anggota polis yang bertugas di Pejabat Pertanyaan Balai Polis Sungai Rengit.

5.3.16 (A12) (Pegawai dalam pasukan serbuan):-

- (a) A12 terlibat dalam pasukan serbuan; dan
- (b) A12 terlibat melakukan pemeriksaan ke atas rumah bapa si mati (A31) untuk mencari pistol.

5.3.17 (A13) (Anggota polis):-

- (a) A13 ditugaskan mengambil mayat si mati di Klinik Kesihatan Bandar Penawar dan membawanya ke rumah mayat Hospital Kota Tinggi sebelum dibawa ke Hospital Sultan Ibrahim, Johor Bahru untuk bedah siasat.

5.3.18 (A14) (Anggota polis):-

- (a) A14 adalah anggota polis yang memandu kenderaan Land Rover yang membawa mayat si mati dari Klinik Kesihatan Bandar Penawar ke Hospital Kota Tinggi dan ke Rumah Mayat Hospital Sultan Ibrahim, Johor Bahru.

5.3.19 (A15) (Anggota serbuan):-

- (a) A15 terlibat dalam pasukan serbuan.

5.3.20 (A16) (Pegawai dalam pasukan serbuan):-

- (a) A16 terlibat dalam pasukan serbuan dan juga mengiringi kereta yang membawa si mati dari Balai Polis Sungai Rengit ke IPD Kota Tinggi.

5.3.21 (A17) (Anggota serbuan):-

- (a) A17 terlibat dalam pasukan serbuan;
- (b) A17 memandu kereta yang dinaiki si mati dari tempat si mati ditangkap hingga ke Balai Sungai Rengit;
- (c) A17 terlibat dengan soal siasat si mati semasa di bilik mesyuarat;
- (d) A17 merakam pengakuan si mati menggunakan telefon bimbit milik (A10) dan memperdengarkan rakaman tersebut kepada bapa si mati (A31); dan
- (e) A17 berada dalam kereta WMJ 9174 yang membawa si mati dari Balai Polis Sungai Rengit ke IPD Kota Tinggi.

5.3.22 Dr. Mahdzan bin Mazelan (Klinik Kesihatan Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor) (A18):-

- (a) Doktor yang memeriksa dan mengesahkan kematian si mati.

5.3.23 Mohd Ariff bin Mustaffa (Penolong Pegawai Perubatan Klinik Kesihatan Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor) (A19):-

- (a) A19 adalah pegawai Klinik Kesihatan Bandar Penawar yang menerima mayat si mati di dalam bilik kecemasan daripada pihak polis; dan
- (b) A19 melakukan pemeriksaan awal ke atas si mati.

5.3.24 Hary Anshah bin Ramlan (Pembantu Perawatan Klinik Kesihatan Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor) (A20):-

- (a) Kakitangan Klinik Kesihatan Bandar Penawar yang membawa katil beroda ke kereta polis dan mengangkat si mati dari dalam kereta

ke atas katil beroda serta menolak ke bilik kecemasan.

5.3.25 Dr. Azilina binti Abdul Aziz (Hospital Kota Tinggi) (A21):-

- (a) A21 adalah doktor perubatan yang membuat pemeriksaan ke atas mayat si mati di bilik mayat Hospital Kota Tinggi.

5.3.26 Dr. Rohayu binti Shahar Adnan (Doktor Forensik HSI) (A22):-

- (a) A22 merupakan pakar forensik perubatan yang menjalankan bedah siasat (*post mortem*) ke atas mayat si mati dan menyediakan laporan bedah siasat si mati.

5.3.27 (A23) (Anggota polis):-

- (a) A23 hadir bersama dengan jurufoto polis A24 semasa bedah siasat dijalankan oleh Dr. Rohayu (A22) dan pasukannya; dan
- (b) A23 menerima spesimen bedah siasat daripada Dr. Rohayu (A22).

5.3.28 (A24) (Anggota polis):-

- (a) A24 adalah jurufoto polis yang merakam gambar-gambar si mati semasa bedah siasat dibuat oleh Dr. Rohayu (A22) dan pasukannya.

5.3.29 Rishahfaizal bin Mohamed Kassim (Ahli Kimia, Pejabat Kimia, Petaling Jaya) (A25):-

- (a) A25 adalah Ahli Kimia yang menerima spesimen si mati bagi melakukan analisis ke atasnya.

5.3.30 (A26) (Orang awam):-

- (a) A26 membuat laporan polis mengenai si mati yang dikatakan telah menyerang A26 dan rakan-rakan menggunakan sepucuk pistol dan pedang samurai; dan
- (b) A26 menelefon Balai Polis Sungai Rengit untuk datang membantu meleraikan pergaduhan antara si mati dan rakan-rakan si mati dengan A26 dan rakan-rakan A26.

5.3.31 (A27) (Orang awam):-

- (a) A27 merupakan salah seorang yang terlibat dalam pergaduhan bersama dengan si mati.

5.3.32 (A28) (Orang awam):-

- (a) A28 ialah ayah bekas teman wanita si mati;
- (b) A28 mengatakan bahawa beliau menerima ugutan meminta beliau menarik semula laporan polis yang dibuatnya sebagai balasan jaminan keselamatan anaknya yang berada dalam jagaan si mati pada ketika itu; dan
- (c) A28 menerima anaknya daripada A31 (bapa si mati) dimana anaknya dikatakan dalam keadaan khayal dan cedera.

5.3.33 (A29) (Orang awam):-

- (a) A29 berada di bilik rumah bersama dengan si mati ketika serbuan dan tangkapan. A29 menyaksikan bagaimana si mati ditangkap;
- (b) A29 telah membasuh lantai bilik tempat kejadian seperti yang diarahkan oleh anggota polis selepas kematian si mati;
- (c) A29 bertindak untuk tidak melupuskan satu karpet kecil di bilik tempat tangkapan yang terdapat kesan darah si mati tetapi sebaliknya menyimpan karpet itu tanpa pengetahuan pihak polis; dan
- (d) A29 mendapat arahan dari anggota polis supaya menyembunyikan diri selepas kejadian kematian si mati tetapi A29 tidak berbuat demikian.

5.3.34 (A30) (orang awam):-

- (a) A30 adalah isteri kepada A29.
- (b) A30 mengatakan bahawa ada polis datang ke rumah beliau pada awal pagi kejadian dan memberi arahan supaya A30 membersihkan kesan-kesan darah si mati di lantai di bilik di mana si mati ditangkap. A30 kemudian telah menyampaikan

perkara pesanan tersebut kepada A29 setelah A29 pulang ke rumah pada pagi itu.

5.3.35 Syed Mohamed Nur bin Ali (A31):-

- (a) A31 adalah bapa si mati.
- (b) A31 ada melihat pergaduhan di antara si mati dengan (A26) serta rakan-rakannya; dan
- (c) A31 berada di rumah ketika pemeriksaan dilakukan oleh polis bertujuan untuk mencari senjata api.

5.4 Lawatan dan pemeriksaan di tempat kejadian.

5.4.1 Pada 5 Disember 2014, pasukan Pegawai Penyiasat Suruhanjaya telah membuat lawatan ke tempat-tempat berikut:

- (a) Balai Polis Sungai Rengit (Bilik Mesyuarat);
- (b) Klinik Kesihatan Bandar Penawar (Bilik Kecemasan);
- (c) Bilik sewa di rumah bernombor 62, Kampung Simon, Teluk Ramunia, Sungai Rengit, Pengerang, Johor (tempat di mana si mati ditangkap); dan
- (d) Rumah A31 di alamat No 13, Kampung Baru Teluk Ramunia, 81620 Pengerang, Johor.

5.4.2 Hasil lawatan dan pemeriksaan ke atas bilik sewa di rumah bernombor 62, Kampung Simon, Teluk Ramunia, Sungai Rengit, Pengerang, Johor menzahirkan perkara-perkara berikut:

- (a) Rumah tersebut rumah kayu separuh batu;
- (b) Di sebelah bahagian belakang terdapat beberapa bilik yang disewakan oleh tuan rumah, Abdillah bin Idris (A29);
- (c) Bilik di mana si mati ditangkap berukuran lebih kurang 8 kaki lebar dan panjang lebih kurang 10 kaki mempunyai satu pintu masuk dan di dalam bilik terdapat satu tingkap cermin nako;
- (d) Bilik tersebut berlantai simen berada dalam keadaan bersih

dan tiada apa-apa barang terdapat di bilik itu; dan

- (e) Jarak rumah tersebut dengan rumah jiran berdekatan agak jauh dan sedikit terpencil.

5.5 Pemeriksaan dokumen.

Selaras dengan kuasa di bawah seksyen 32 Akta 700, pasukan Pegawai Penyiasat Suruhanjaya telah mengambil dan memeriksa dokumen-dokumen berikut:

- (a) Sungai Rengit Rpt: 816/2014 (laporan berkenaan si mati mempunyai sepucuk pistol)(D1);
- (b) Sungai Rengit Rpt: 1026/2014 (laporan tangkapan si mati)(D6);
- (c) Sungai Rengit Rpt: 1027/2014 (laporan pemeriksaan rumah Syed Mohamed Nur bin Ali, bapa kepada si mati)(D7));
- (d) Bandar Penawar Rpt: 2169/2014 (laporan kematian si mati)(D9);
- (e) Laporan oleh Dr. Mohd Mahzan bin Mazelan yang membuat pemeriksaan awal ke atas si mati (D15);
- (f) Laporan oleh Dr. Azilina binti Abdul Razak yang membuat pemeriksaan ke atas si mati dan surat rujukan kepada pakar forensik (D16);
- (g) Laporan bedah siasat (*post mortem*) ke atas si mati (D17);
- (h) Cabutan Buku Perharian Balai bertarikh mula 20 Oktober 2014 @ SD:9171/14 (D21);
- (i) Borang geledah ke atas si mati (*Search List*) bertarikh 16 Jun 2014 (D23);
- (j) Sungai Rengit Rpt/000829/15 bertarikh 16 Jun 2015 (laporan rampasan karpet) (D26);
- (k) Salinan rakaman percakapan yang diambil oleh Pegawai Penyiasat (A5) ke atas (A29) (orang awam) pada 16 Jun 2015 mengenai kejadian dan isu berkaitan dengan penyimpanan karpet yang mengandungi kesan darah (D24);
- (l) Sepuluh (10) keping gambar tempat di mana si mati ditangkap (E5);

- (m) Lima (5) keping gambar di Balai Polis Sungai Rengit (tempat si mati ditahan dan di soal siasat) (E4);
- (n) Tiga (3) keping gambar Klinik Kesihatan Bandar Penawar (tempat si mati disahkan kematian) (E2);
- (o) Dua (2) keping gambar kenderaan (Kereta Waja WMJ 9174) yang dinaiki oleh si mati (E1);
- (p) Lapan puluh (80) keping gambar *post mortem* si mati (yang dikemukakan oleh jurufoto polis) (E6);
- (q) Empat (4) keping gambar kecederaan anggota polis (B3) (E7);
- (r) Tujuh (7) keping gambar mayat si mati yang diambil di Klinik Kesihatan Bandar Penawar oleh A4 (E8);
- (s) Video dan gambar pemetaan perjalanan (E10 dan E9);
- (t) Dua (2) keping gambar karpit (E11);
- (u) Laporan Kimia No. Makmal:14-FR-B-23599 bertarikh 15 Disember 2014 yang disediakan oleh En. Sivabalan;
- (v) Laporan Kimia No. Makmal:14-FR-B-23600 bertarikh 8 Disember 2014 yang disediakan oleh Dr. Yuvaneswari;
- (w) Laporan Kimia No. Makmal:14-FR-B-23598 bertarikh 22 Disember 2014 yang disediakan oleh Rishahfaizal Bin Mohamed Kassim (D18);
- (x) Bil terperinci butiran-butiran panggilan dari telefon No. 016-7141444 atas nama anggota polis (B4) (D19).

**KETERANGAN SAKSI
&
PEMETAAN PERJALANAN**

6. KETERANGAN SAKSI

(Butiran penuh keterangan saksi-saksi B1 hingga B4; dan A1 hingga A31 tidak dizahirkan di laman sesawang / buku laporan siasatan bagi pendedahan awam ini tetapi terdapat di dalam teks laporan penuh siasatan bagi rujukan agensi-agensi terlibat).

7. PEMETAAN PERJALANAN

- 7.1 Satu pemetaan semula perjalanan telah dilakukan oleh pegawai siasatan dengan melakarkan semula perjalanan berdasarkan jarak dan masa yang dinyatakan oleh saksi-saksi yang telah dirakam percakapan.
- 7.2 Tujuannya adalah untuk menilai tempoh masa yang diambil oleh saksi-saksi dalam perjalanan dari tempat si mati ditangkap ke Balai Polis Sungai Rengit dan seterusnya dari Balai Polis Sungai Rengit ke Klinik Kesihatan Bandar Penawar.
- 7.3 Hasil daripada pemetaan tersebut, didapati jarak di antara tempat si mati ditangkap dan Balai Polis Sungai Rengit adalah lebih kurang 10 km. Keadaan sekeliling pada masa tersebut adalah gelap serta jalan yang berlubang. Lampu jalan pula berada lebih kurang 500 meter jarak di antara satu sama lain. Perjalanan tersebut mengambil masa 9 minit dengan kelajuan lebih kurang 60km/j.
- 7.4 Manakala jarak di antara Balai Polis Sungai Rengit ke Klinik Kesihatan Bandar Penawar iaitu tempat si mati dihantar untuk menerima rawatan pula adalah 28 km dan masa yang diambil untuk ke sana adalah lebih kurang 26 minit. Manakala perjalanan daripada Balai Polis Sungai Rengit ke Seban Cove pula adalah sejauh 9 km. Kelajuan yang digunakan bagi pemetaan ini adalah lebih kurang 60km/j, 70km/j dan 80km/j iaitu kelajuan yang dinyatakan oleh anggota-anggota polis yang memandu kereta tersebut.
- 7.5 Kesimpulannya, didapati tempoh masa yang diambil adalah munasabah dengan tempoh masa yang diberikan oleh saksi-saksi yang terlibat.

ANALISA DAN DAPATAN BERKAITAN

8. ANALISA DAN DAPATAN BERKAITAN

Terma Rujukan 3.1, 3.2 dan 3.2 (Rujuk Perenggan 3)

- 8.1 Berpandukan kepada kaedah siasatan yang ditetapkan, iaitu lawatan ke tempat-tempat kejadian, pengambilan keterangan saksi-saksi yang relevan dan analisa ke atas bahan-bahan dokumentar yang diambil bagi tujuan siasatan, dapatan-dapatan (*findings*) Suruhanjaya adalah dibuat melalui keterangan langsung (*direct evidence*) atau keterangan mengikut keadaan (*circumstantial evidence*) dalam mencapai terma-terma rujukan yang dibutirkan di perenggan 3.1, 3.2 dan 3.2 Terma-terma Rujukan siasatan yang diberikan kepada Pasukan Petugas tersebut.
- 8.2 Pada malam kejadian, iaitu 3 November 2014 jam lebih kurang 3.00 pagi, saksi-saksi seperti B1 selaku Ketua Operasi bersama-sama dengan A16, A1, A17, A2, B3 dan B2 dengan bantuan anggota polis daripada Balai Polis Sungai Rengit, iaitu A12, B4, A7, A9 dan A15 adalah merupakan pasukan yang terlibat di dalam serbuan ke atas rumah bernombor No. 62, Kampung Simon, Teluk Ramunia, Sungai Rengit, Pengerang, Johor, iaitu rumah di mana si mati ditangkap.
- 8.3 Serbuan dan tangkapan ke atas si mati dibuat berikutan daripada satu laporan polis Sungai Rengit Rpt: 816/2014 (D1) bertarikh 19 September 2014, yang disiasat di bawah Seksyen 148 Kanun Keseksaan, iaitu memiliki atau menggunakan senjata api ketika gaduh gempar.
- 8.4 Mengikut keterangan B1, B3, B4 dan A1, tangkapan dibuat oleh B3 dan dibantu oleh B1 dan B2 apabila serbuan dilakukan oleh ketiga-tiga anggota polis tersebut ke dalam bilik di mana si mati berada. Si mati dikatakan sedang duduk menghisap dadah pada ketika serbuan. Walaubagaimana pun tiada rampasan dadah atau barangan lain berkaitan dengan aktiviti penagihan dadah tersebut dibuat oleh pasukan serbuan.
- 8.5 Berdasarkan keterangan B1, B2, B3, B4 dan A1, sebelum anggota menyerbu bilik di mana si mati ditangkap, mereka terlebih dahulu membuat intipan untuk memastikan si mati berada di dalam bilik tersebut. Setelah mendapati si mati sememangnya berada di dalam bilik tersebut, B1 dan anggotanya iaitu B2, B3 dan B4 menyerbu masuk dengan menendang pintu bilik sambil memperkenalkan diri sebagai polis. Pasukan polis memakai baju kalis peluru dan bersenjata berat.

- 8.6 Mendengar anggota polis masuk ke bilik, si mati dikatakan oleh B1 dan pasukan serbuannya sebagai telah cuba bangun untuk melarikan diri. Justeru itu, B2 dan B3 terus menerkam ke arah si mati untuk menangkap si mati. Keterangan A29, beliau berada bersama si mati di dalam bilik tersebut ketika serbuan dan A29 serta si mati terus meniarap ketika polis menyerbu masuk dan anggota polis melangkah A29 untuk terus membuat tangkapan ke atas si mati.
- 8.7 Berdasarkan kepada keterangan B1 dan B2, B3 telah memegang lengan kiri si mati dalam usahanya untuk mencuba menggari si mati. Kemudian B2 menerpa ke arah belakang dan memegang kaki si mati dan si mati jatuh tersembam ke lantai dan mereka terhempap bersama-sama kerana si mati cuba untuk melepaskan diri. Saat itu, B1 masuk membantu dengan memegang tangan si mati, barulah B3 berjaya menggari si mati.
- 8.8 Mengikut keterangan B2, selepas si mati dapat digari, ketiga-tiga mereka mengangkat si mati dan menyandarkan si mati dengan dada si mati dihadapkan ke dinding bertujuan untuk menghentikan si mati daripada terus meronta.
- 8.9 Semasa tangkapan, si mati tidak bersenjata. Lampu kalimantang panjang bilik juga terang terpasang ketika serbuan.
- 8.10 Berdasarkan lawatan Pegawai Penyiasat Suruhanjaya ke bilik dan gambar bilik di mana si mati ditangkap, didapati bilik tersebut adalah sebuah bilik kecil diperbuat daripada separuh batu dan separuh kayu. Hanya terdapat satu pintu untuk keluar masuk bilik tersebut dan hanya terdapat satu tingkap nako. Dengan yang demikian jika si mati ingin melarikan diri, satu-satunya jalan keluar ialah melalui pintu bilik. Terdapat A1, A12 dan A15 yang telah mengawal pintu hadapan bilik tersebut ketika serbuan berjalan.
- 8.11 Pemeriksaan bilik dilakukan di mana, mengikut keterangan B1, tiada apa dijumpai di dalam bilik melainkan sebidang karpet berbulu lebih kurang 3 kaki lebar dan 5 kaki panjang. Walau bagaimanapun, anggota-anggota lain yang membuat tangkapan iaitu B2, B3, B4 dan A1 semasa rakaman percakapan dibuat tidak pernah memberi kenyataan mengenai kewujudan karpet tersebut di dalam bilik di mana si mati ditangkap. Karpet ini yang dikatakan mempunyai kesan darah si mati kemudiannya telah disimpan oleh A29 tanpa pengetahuan pihak Pegawai Penyiasat polis dan hanya dibuat serahan kepada Pegawai Penyiasat polis pada 16 Jun 2015 setelah A29 dinasihatkan oleh

Pegawai Penyiasat Suruhanjaya.

- 8.12 B2 dan B3 mengatakan si mati ketika serbuan dilihat sedang mengambil dadah. Bagaimana pun tiada apa-apa rampasan dadah atau perkakasan mengambil dadah dirampas oleh pasukan serbuan atau Pegawai Penyiasat polis.
- 8.13 Mengikut keterangan B1, B3, A1, B2 dan A3, ekoran daripada pergelutan yang berlaku selama 3-5 minit bagi menangkap si mati, si mati yang melawan telah mengalami kecederaan dan lebam di muka akibat jatuh tersembam muka dilantai. Keterangan ini bagaimana pun bertentangan dengan keterangan A29 yang mengatakan si mati telah dapat ditangkap semasa meniarap dilantai bersama-sama A29. Keterangan A29 mengatakan si mati cedera kerana dipukul ketika polis bertanyakan di mana si mati menyimpan pistol.
- 8.14 Setibanya di Balai Polis Sungai Rengit, si mati tidak dibawa masuk ke dalam lokap, sebaliknya diletakkan di kerusi panjang di hadapan Kaunter Pertanyaan. Di situ si mati telah dibuat soal siasat awal oleh anggota serbuan terdiri daripada B1, B2 dan B3. Si mati kemudiannya dipindahkan ke dalam Bilik Mesyuarat untuk di soal siasat lanjut oleh pegawai dan anggota yang sama. Semasa soal siasat tersebut si mati dikatakan membuat pengakuan tentang pemilikan dan simpan senjata api.
- 8.15 Bertindak di atas maklumat oleh si mati berkaitan senjata api yang disimpan, pada 3 November 2014, jam lebih kurang 5.00 pagi, di atas arahan B1, A12 bersama dengan A9, A8 dan A15 pergi ke rumah A31, Syed Muhammad Nur Bin Ali untuk membuat pemeriksaan rumah bagi mencari pistol yang dikatakan disimpan di rumah bapa si mati. Pemeriksaan dibuat tetapi tiada senjata api yang ditemui.
- 8.16 Dari masa si mati tiba di balai dan ditempatkan di Pejabat Pertanyaan dan kemudiannya di Bilik Mesyuarat, sehingga si mati di bawa keluar dari balai pada jam lebih kurang 7.00 pagi untuk dibawa ke IPD Kota Tinggi, si mati berada di bawah jagaan B1, B2, B3 dan B4. Keterangan oleh anggota mengatakan si mati berada dalam keletihan walaupun dilihat boleh berjalan.
- 8.17 Pada jam lebih kurang 7.15 pagi, B3 telah mendapat arahan daripada B1 bagi membawa masuk si mati ke dalam kereta untuk dihantar ke IPD Kota Tinggi. Ketika di bawa masuk ke dalam kereta, si mati masih boleh berjalan tetapi berada di dalam keletihan.

- 8.18 Di dalam perjalanan, setibanya di Sebana Cove, menurut keterangan A1, beliau mendapati si mati telah membaringkan kepala di bahu kanannya dan beliau memanggil-manggil, namun si mati tidak memberi respon dan tubuhnya didapati lemah. A1 terus memaklumkan kepada B1 dan B1 mengarahkan A2 untuk membawa mereka ke Klinik Kesihatan Bandar Penawar, iaitu klinik terdekat pada masa itu. Setibanya di Klinik Kesihatan Bandar Penawar pada jam lebih kurang 8.00 pagi, si mati terus dimasukkan di dalam bilik kecemasan. Rawatan awal dilakukan oleh Mohd Ariff bin Mustaffa (A19), seorang Penolong Pegawai Perubatan di situ. Beliau ada memeriksa tahap kesedaran, nadi, tekanan darah, paras oksigen, reaksi mata, penafasan serta degupan jantung dan mendapati bahawa tiada tindak balas yang normal daripada si mati. Kemudian perkara itu dirujuk kepada Dr. Mohd Mahdzan bin Mazelan (A18) dan selepas melakukan pemeriksaan yang sama, beliau mengesahkan akan kematian si mati pada jam 8.30 pagi. Mengikut keterangan A18 juga, beliau turut mengatakan kematian si mati adalah lebih kurang 15-30 minit sebelum itu.
- 8.19 Mengikut keterangan A4 dan Doktor Azilina Abdul Aziz (A21), pada jam 3.15 petang, A21 ada membuat pemeriksaan ke atas mayat tersebut bersama Encik Suwardi lebih kurang dalam 20-30 minit. Hasil pemeriksaan A21 mendapati terdapat kecederaan di bahagian muka iaitu di dahi kedua-dua belah, bengkak mata di sebelah kiri dan bengkak di bahagian kanan pipi dan rahang. Tiada kecederaan lain pada tubuh badan dilihat atau apa-apa kesan darah di pakaian kerana A21 tidak membuka pakaian si mati untuk melakukan pemeriksaan yang terperinci disebabkan mayat si mati akan dihantar ke Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru bagi bedah siasat.
- 8.20 Mengikut Keterangan A4, A13, A14 dan A22, pada jam 4.30 petang, A4 menyerahkan mayat si mati ke bilik mayat kemudian berjumpa dengan A22. A22 akan melakukan bedah siasat pada 4 November 2014 kerana ingin melawat lokasi tempat kejadian bagi pemeriksaannya.
- 8.21 Keterangan A22 menyatakan pada 4 November 2014 jam lebih kurang 9.00 pagi, A22 telah melawat bilik tempat si mati ditangkap. Tiada sebarang perabot di bilik tempat kejadian dijumpai, bilik berlantaikan simen dalam keadaan bersih. Pada jam 2.45 petang, bedah siasat terhadap si mati dilakukan. Hasil daripada bedah siasat menyatakan terdapat 61 luka/kecederaan di badan si mati. Terdapat luka lebam dan luka lelasan pada bahagian kepala, badan dan kedua-dua anggota sebelah atas dan bawah bahagian kiri dan kanan. Tidak terdapat sebarang kesan darah di baju dan seluar si mati. Keterangan A22 tentang

keadaan bilik yang kosong tersebut konsisten dengan keterangan A29 kerana bilik tersebut telah dibersihkan oleh A29 pada petang 3 November 2014.

- 8.22 Kesimpulan daripada keterangan A22 ialah luka-luka yang dialami oleh si mati adalah merupakan kombinasi yang diakibatkan oleh “*direct blunt impact*”, iaitu impak trauma tumpul pada anggota badan yang disebabkan oleh kaki atau tangan, lengan dan kesan jatuh serta mengenai objek yang keras dan tumpul. Keduanya, kesan “*restraint*”. Ketiga, kerana kesan gari akibat “*restraint*” dan melawan. Keempat, kerana kesan mempertahankan diri. Terdapat kecederaan di depan dan di belakang si mati dan juga kesan tapak kasut yang dijumpai dibelakang si mati. Selain itu, disebabkan tubuh si mati yang mempunyai ketinggian hanya 160cm dan kurus, “*transmission of force*” berlaku ke atas si mati yang mengakibatkan kecederaan pada organ dalaman simati iaitu jantung (lebam pada jantung). Keadaan ini mengakibatkan simati mengalami sakit dada dan sesak nafas yang akhirnya membawa kepada kegagalan jantung untuk berfungsi. Disebabkan ini, A22 merumuskan punca kematian si mati adalah disebabkan “*Blunt Force Trauma*”.
- 8.23 Keterangan oleh A29 mengatakan bahawa A29 ada di bilik tempat kejadian dan melihat dengan jelas si mati ditumbuk, disepak dan diterajang di badan oleh semua anggota polis yang masuk ke bilik itu dan A29 ada mendengar jeritan si mati meminta tolong kerana kesakitan dan meminta dilonggarkan gari. A29 mengatakan si mati dan A29 telah meniarap seperti arahan polis sewaktu serbuan dan tangkapan si mati. A29 mengatakan tangan si mati telah digari di bahagian belakang sebaik A29 dan si mati meniarap. B1, B2 dan B3 adalah pegawai dan anggota yang menangkap si mati.
- 8.24 Mengikut keterangan A29, selepas pihak polis beredar membawa si mati, A29 telah memasuki bilik sewa tersebut dan mendapati bahawa terdapat kesan darah di atas karpet dan tikar getah di bilik tersebut. Keterangan A29 disokong oleh A30 yang mengatakan pihak polis iaitu B4 ada mengarahkan supaya bilik tempat kejadian dibersihkan.
- 8.25 Mengikut keterangan A30, pada 3 November 2014 lebih kurang pukul 6.30 pagi, iaitu kira-kira dua atau tiga jam selepas kejadian tangkapan, dua orang polis berpakaian preman datang ke rumah A30 dan bertanyakan motosikal si mati. Menurut A30, salah seorang anggota polis yang mengambil motosikal si mati ada meminta tisu daripada penyewa bilik lain di rumah tersebut dan memasuki bilik sewa di mana si mati

ditangkap bagi membersihkan kesan darah.

- 8.26 Keterangan A30 tentang kesan darah tersebut disokong oleh keterangan A29 yang menyatakan bahawa ketika A29 masuk semula ke bilik di mana si mati itu ditangkap, A29 mendapati bahawa kesan darah di atas tikar telah “dilapkan dengan tidak sempurna” kerana masih lagi terdapat kesan-kesan darah, manakala di atas karpet masih terdapat kesan darah yang melekat dan tidak dapat dilapkan.
- 8.27 Keterangan A20 dan A30 tentang terdapatnya karpet dan tikar getah tersebut konsisten dengan keterangan oleh B1 yang mengatakan ketika si mati ditangkap, beliau ada melihat sekeping “tikar” dan “karpet berbulu” di dalam bilik tersebut.
- 8.28 Keterangan A29 juga mengatakan bahawa A29 ada menerima panggilan telefon daripada B4 pada 3 November 2014 jam lebih kurang 7.30 pagi di mana B4 meminta tolong kepada A29 supaya membersihkan bilik dan kesan-kesan darah yang terdapat dalam bilik tersebut sebelum doktor, forensik dan peguam datang melihat tempat kejadian. Keterangan A29 ini disokong oleh Senarai Panggilan Keluar No. 016-7141444 milik B4 (Lampiran D19) di mana jelas terdapat panggilan keluar yang dibuat oleh B4 ke talian No. 019-7852788 milik A29 pada jam 8.40 pagi pada 3 November 2014 berdurasi selama 3 minit 44 saat.
- 8.29 Berdasarkan kepada keterangan, A29 ada mengajak penyewa-penyewa lain untuk mengemaskan bilik tersebut. A29 juga melalui keterangannya ada menyatakan bahawa beliau dan penyewa lain telah mengemaskan bilik tersebut di mana tikar getah yang ada kesan darah dibakar oleh penyewa di tempat pembuangan sampah berdekatan bersama dengan sandal milik si mati. Keterangan A29 ini disokong oleh keterangan A30. Bagaimana pun penyewa-penyewa lain telah berpindah daripada rumah tersebut dan keterangan mereka tidak dapat dirakamkan. Oleh itu keterangan mengenai pembersihan bilik dan pembakaran tikar getah dan kasut sandal si mati akan bergantung kepada keterangan A29 dan A30.
- 8.30 A29 mengaku telah menyimpan karpet yang dikatakan terdapat kesan darah si mati dengan alasan ianya ingin dijadikan bahan bukti tetapi A29 enggan menyerahkan karpet tersebut kepada pihak polis. Maka itu kewujudan karpet dalam simpanan A29 tidak diketahui oleh Pegawai Penyiasat polis sehingga A29 kemudiannya mendedahkan perkara tersebut kepada Pegawai Penyiasat Suruhanjaya. Di atas nasihat Pegawai Penyiasat Suruhanjaya, A29 telah bersetuju menyerahkan karpet tersebut kepada Pegawai Penyiasat polis, iaitu A5 pada 16 Jun 2015.

- 8.31 Tindakan A29 menyimpan karpet tersebut dan tidak memberitahu A22 semasa A22 melawat bilik di mana si mati ditangkap menyebabkan A22 merumuskan hanya lantai simen sahaja yang terdapat di bilik tersebut. Setelah A22 diberitahu oleh Pegawai Penyiasat Suruhanjaya bahawa terdapat karpet di bilik tersebut, A22 berpendapat karpet yang terdapat di atas lantai boleh bertindak sebagai penambat untuk menyerap tenaga hentakan ke atas si mati ke lantai dan dengan itu tiada tulang rusuk si mati yang patah.
- 8.32 A29 turut mengatakan bahawa pada 3 November 2014, iaitu hari kejadian B4 ada menghubungi beliau meminta untuk beliau menyembunyikan diri buat sementara waktu sehingga akhir tahun 2014 dan beliau tidak tahu tujuannya. Keterangan A29 ini disokong oleh bil panggilan terperinci yang melihatkan ada panggilan dari telefon tangan B4 ke nombor telefon A29.
- 8.33 Berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang diperolehi oleh Suruhanjaya, seramai lima (5) orang anggota yang terlibat membuat tangkapan telah ditugaskan untuk masuk ke bilik di mana si mati ditangkap, iaitu B2, B3, B4 dan A1 dengan diketuai oleh B1. Lanjutan daripada itu, berdasarkan kepada keterangan B4 kepada Pasukan Penyiasat Suruhanjaya, hanya B2, B3 dan B1 yang masuk ke bilik dan menangkap si mati. Manakala B4 dan A1 serta A12 dan A15 mengawal luar pintu hadapan pada ketika itu.
- 8.34 A29 menyatakan bahawa semua anggota yang berada di dalam bilik tersebut ada memukul si mati. Walau bagaimanapun, A29 tidak dapat mengecam anggota-anggota yang memukul si mati kerana anggota-anggota tersebut semuanya memakai topeng sarung muka.
- 8.35 A29 juga mengatakan bahawa beliau nampak dengan jelas anggota polis memulas kedua-dua belah tangan si mati ke belakang dan ada yang memijak badan si mati, sekali gus menggari tangan si mati dan menurut A29, si mati telah dibangunkan dan seterusnya dipukul “bertalu-talu di seluruh badan” oleh pihak polis dengan menggunakan tangan, kaki dan juga *butt* senjata semasa penangkapan dibuat. Beliau menambah, si mati tidak agresif semasa dipukul dan hanya menafikan penglibatannya berkaitan dengan senjata api.
- 8.36 A29 dalam keterangannya juga mengatakan bahawa pada 3 Jun 2014 jam lebih kurang 6.30 pagi, isterinya (A30) ada menghubungi beliau memaklumkan bahawa terdapat anggota polis datang semula ke rumah beliau untuk mengambil motosikal si mati. Selain itu, seorang anggota polis yang A30 katakan iaitu B4 meminta kain buruk atau tisu

daripada A30 untuk mengelap kesan-kesan darah di dalam bilik sewa di mana si mati ditangkap.

- 8.37 A29 menambah lagi, tidak lama selepas dihubungi oleh isterinya, B4 ada menghubungi beliau dan mengarahkan beliau untuk membersihkan dan mengemas bilik sewa tersebut. A29 mengarahkan penyewa lain membersihkan bilik dan membakar tikar getah serta selipar si mati namun beliau menyuruh penyewa tersebut untuk meninggalkan karpet. Keterangan ini disokong oleh keterangan A30 kepada Pasukan Penyiasat Suruhanjaya.
- 8.38 Selain itu, A29 juga menyatakan di dalam keterangan beliau bahawa selain panggilan telefon B4 menyuruh beliau mengemas bilik sewa tersebut, B4 juga ada membuat panggilan telefon kepada beliau memaklumkan bahawa si mati telah pengsan. Selepas itu, B4 turut menghubungi beliau memaklumkan berita kematian si mati dan panggilan terakhir dibuat oleh B4 kepada A29 adalah untuk mengarahkan A29 melarikan diri dan bersembunyi hingga akhir tahun 2014. Sepanjang tempoh tersebut, beliau tidak melarikan diri sebaliknya bersembunyi di dalam rumah beliau sahaja.
- 8.39 Keterangan mengenai panggilan-panggilan telefon oleh B4 kepada A29 disokong oleh Senarai Panggilan Keluar No. 016-7141444 milik B4 (Lampiran D19) di mana jelas terdapat beberapa panggilan keluar yang dibuat oleh B4 ke talian No. 019-7852788 milik A29, panggilan yang tidak berjawab (*missed call*) dan beberapa sistem pesanan ringkas (*sms*) dari tempoh 3.00 pagi hingga 7.27 malam pada 3 Jun 2014.
- 8.40 Berdasarkan kepada gambar karpet (Lampiran E11), terdapat beberapa kesan kotor di atas karpet tersebut yang berkemungkinan besar merupakan kesan darah si mati. Walau bagaimanapun, sehingga keputusan Jabatan Kimia diperolehi, perkara ini tidak dapat dipastikan.
- 8.41 Keterangan yang diperolehi daripada B1 sendiri, B1 mengakui bahawa terdapat kecederaan di bahagian dahi dan bahagian muka si mati. Keterangan ini selari dengan E8 (gambar-gambar si mati yang diambil oleh A4 di Klinik Kesihatan Bandar Penawar) yang jelas menunjukkan kecederaan di bahagian muka si mati. Keterangan ini juga disokong oleh keterangan A29 di mana sebelum si mati digari, beliau dan si mati telah serta merta meniarap di atas lantai bilik sebaik diarahkan oleh anggota polis yang menyerbu masuk ke bilik tersebut.

DAPATAN SIASATAN

9. DAPATAN SIASATAN

Dapatan dan syor berkaitannya.

- 9.1 Hasil daripada analisa dan dapatan siasatan yang dilakukan oleh Suruhanjaya, didapati kematian Syed Mohd Azlan Bin Syed Mohamed Nur ada kaitan dengan penggunaan kekerasan secara fizikal oleh pihak polis ke atas si mati.
- 9.2 Suruhanjaya menerima pakai laporan perubatan oleh Dr. Rohayu Binti Shahar Adnan (A22) iaitu Pakar Perunding dan Ketua Jabatan, Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru, bahawa kematian si mati disebabkan oleh hentakan trauma tumpul pada dada si mati (*blunt force trauma to the chest*). Dapatan oleh doktor pakar tersebut adalah konsisten dengan keterangan yang terdapat khasnya keterangan A29 bahawa terdapat penggunaan kekerasan fizikal oleh anggota-anggota polis semasa tangkapan si mati.
- 9.3 Laporan bedah siasat juga melihatkan si mati mengalami 61 jenis kecederaan di tubuh badan. Sebahagian daripada kecederaan tersebut dialami oleh si mati semasa berusaha mempertahankan diri dari kekerasan dan serangan fizikal yang dilakukan ke atasnya oleh anggota-anggota polis yang menangkap dan membuat soal siasat ke atasnya.
- 9.4 Suruhanjaya mendapati bahawa keterangan oleh pegawai dan anggota serbuan bahawa berlaku pergelutan selama 3-5 minit di antara pasukan serbuan dan si mati adalah meragukan dan tidak kredibel setelah Suruhanjaya menimbangkan keterangan-keterangan berikut:
 - i. Serbuan ke atas si mati dibuat secara mengejut;
 - ii. Pasukan polis bersenjata lengkap dengan baju kalis peluru semasa serbuan;
 - iii. Keadaan bilik yang bersaiz kecil dan tiada terdapat pintu lain atau tingkap yang terbuka tidak memungkinkan si mati untuk melarikan diri;
 - iv. Semasa serbuan, hanya si mati dan A29 sahaja yang berada di dalam bilik tersebut;
 - v. Semasa serbuan, bilik tersebut mempunyai cahaya yang terang kerana lampu bilik yang sedang terpasang;
 - vi. Saiz fizikal si mati yang tingginya ialah 160 cm dengan pinggang yang kecil iaitu 26 inci menggambarkan bahawa si mati mempunyai tubuh badan yang kecil dan kurus yang tidak memungkinkan si mati untuk bergelut semasa tangkapan dilakukan yang melibatkan 3 atau 4

- orang anggota yang terlatih;
- vii. Keterangan A29 bahawa A29 dan si mati terus meniarapkan diri bersama-sama A29 apabila polis mengenalkan diri adalah lebih konsisten dengan fakta-fakta yang disebut di atas tadi iaitu (i – vi) bahawa tiada pergelutan 3-5 minit berlaku semasa tangkapan dibuat.
- 9.5 Walaupun pegawai dan anggota serbuan mendapati si mati ada mengalami kecederaan fizikal di tubuh badan dan pendarahan di beberapa bahagian muka, tetapi si mati telah tidak dibawa untuk mendapatkan apa-apa rawatan perubatan selepas ditangkap dan ini melanggar perenggan 4.4.2 SOP Tangkapan Jabatan Siasatan Jenayah PDRM;
- 9.6 Suruhanjaya mendapati anggota polis B4 telah mengganggu bahan bukti di tempat kejadian apabila mengarahkan A29 (pemilik rumah tempat tangkapan) melalui panggilan telefon kepada A29 pada jam lebih kurang 8.40 pagi, pada 3 November 2014 untuk membersihkan tempat kejadian dan melupuskan tikar getah dan karpet yang mempunyai kesan darah si mati. Akibat daripada arahan tersebut, A29 telah membakar tikar getah. Bagaimana pun, A29 telah mengambil keputusan sendiri untuk menyimpan karpet yang dikatakan mempunyai kesan darah si mati kerana tidak yakin terhadap siasatan pihak polis (keterangan mengenai kewujudan simpanan karpet ini hanya diberitahu oleh A29 kepada Pegawai Penyiasat Suruhanjaya yang kemudiannya meminta supaya A29 menyerahkan karpet tersebut kepada Pegawai Penyiasat polis bagi tindakan siasatan dengan menghantar karpet tersebut ke Jabatan Kimia Malaysia.)
- 9.7 Suruhanjaya juga mendapati anggota polis B4 telah membuat panggilan telefon kepada A29 mengarahkan A29 supaya menghilangkan / menyembunyikan diri selepas kejadian tangkapan dan kematian si mati. Perlakuan B4 tersebut adalah merupakan suatu salahlaku jenayah untuk menghilangkan atau menyembunyikan bukti atau keterangan material.
- 9.8 Suruhanjaya juga mendapati bahawa terdapat perlakuan untuk menyembunyikan keterangan material (*suppression of material evidence*) apabila B1, B2, B3, B4 dan A1 iaitu pegawai dan anggota yang memasuki rumah serbuan mengetahui kehadiran A29 di tempat tangkapan si mati semasa serbuan tetapi telah gagal atau dengan sengaja tidak menzahirkan fakta material ini kepada Pegawai Penyiasat polis yang boleh mengakibatkan suatu siasatan yang adil dan lengkap tidak dapat dijalankan;
- 9.9 Suruhanjaya mendapati, walaupun terdapat barangan si mati seperti 2

buah telefon bimbit, kad pengenalan dan 1 *beg pouch* yang mana di dalamnya terdapat dompet wang, namun rampasan wang si mati itu telah tidak disenaraikan sebagai di antara barang yang dirampas dan tidak terdapat juga sebarang keterangan bahawa wang milik si mati telah dikembalikan semula kepada keluarga si mati. Keterangan B1 menunjukkan si mati memiliki sejumlah wang sewaktu tangkapan di sokong oleh keterangan A31.

- 9.10 Siasatan juga mendapati si mati telah digari dengan menggunakan gari milik peribadi anggota B3 yang bukan dibekalkan oleh PDRM atau kerajaan. Kerana itu ada kemungkinan kesakitan dan kecederaan yang dialami oleh si mati semasa digari adalah akibat daripada penggunaan gari persendirian milik peribadi B3 yang tidak mengikut spesifikasi *standard*.
- 9.11 Suruhanjaya mendapati terdapat beberapa pemecahan serius ke atas SOP berkaitan tangkapan dan pengendalian orang tangkapan, pengendalian dan sitaan barang kes, menyembunyikan keterangan (rujuk perenggan 4.3.1.3; perenggan 4.3.5.2; perenggan 4.3.7.6 dan 4.3.7.8 SOP Tangkapan Jabatan Siasatan Jenayah PDRM bertarikh 7 Mei 2012); perenggan 4.12 (perenggan 6.1 dan 8.1) SOP Jabatan Siasatan Jenayah (Prosedur Pengeledahan dan Rampasan – PDRM/PK(JSJ):12 bertarikh 30 April 2012).
- 9.12 Suruhanjaya mendapati terdapat perlakuan jenayah yang melibatkan unsur niat bersama atau pensubahatan (*abetment*) oleh B1, B2, B3, B4 dan A1 bagi melakukan serangan kekerasan fizikal secara sengaja ke atas si mati yang telah mengakibatkan kecederaan dan kematian ke atas si mati, dan perlakuan ini adalah merupakan kesalahan jenayah di bawah undang-undang khususnya di bawah seksyen 302, seksyen 325 Kanun Keseksaan dibaca bersama seksyen 34 atau seksyen 107 Kanun yang sama.
- 9.13 Suruhanjaya juga mendapati perlakuan anggota polis B4 yang mengarahkan A29 supaya melupuskan barang bukti dan menyembunyikan saksi material iaitu secara mengarahkan A29 supaya menghilangkan diri, adalah satu kesalahan berunsur jenayah di bawah seksyen 118 atau seksyen 119 Kanun Keseksaan yang mewajarkan pendakwaan jenayah dibawa terhadap B4 tersebut.
- 9.14 Pasukan Petugas juga mendapati walau pun pihak anggota serbuan yang menyoalsiasat si mati dan dikatakan si mati mengaku menyimpan pistol dengan bapa si mati, tetapi pengakuan tersebut diragui kebenarannya dan cara ianya didapatkan dari si mati dan tidak

mempunyai sebarang nilai berat kerana hakikatnya tiada apa-apa pistol dijumpai oleh pihak polis dari maklumat yang dikatakan diberikan oleh si mati semasa disoalsiasat di balai polis sebaik si mati dibawa balik ke balai. Versi maklumat yang dikatakan diberikan oleh si mati juga berbeza-beza dari keterangan saksi-saksi polis yang mendengar pengakuan yang dikatakan itu di mana ada yang mengatakan si mati menyebut di simpan di dalam tilam di rumah dan ada yang mengatakan si mati menyebut disimpan dengan bapanya.

- 9.15 Suruhanjaya menerima perkara-perkara dan dapatan-dapatan siasatan Pasukan Petugas selaras dengan peruntukan seksyen 30(1)(b) Akta 700, untuk tindakan tatatertib dibawa terhadap pegawai dan anggota-anggota yang dikenalpasti di dalam laporan ini yang didapati telah melakukan salah laku sepertimana skop salahlaku yang diberikan di bawah seksyen 24 Akta 700.
- 9.16 Suruhanjaya juga menerima perkara-perkara dan dapatan-dapatan siasatan Pasukan Petugas selaras dengan peruntukan seksyen 30(1)(c) Akta 700, bagi pendakwaan jenayah diperakukan kepada Pendakwa Raya terhadap pegawai dan anggota yang didapati telah melakukan salah laku jenayah seperti yang dikenalpasti di dalam Laporan ini.

PERAKUAN

10. PERAKUAN

Terma Rujukan (iv) dan syor berkaitannya.

Dari hasil siasatan yang telah dijalankan, lawatan di tempat kejadian, dokumentar yang telah diteliti serta keterangan lisan yang telah diambil, perkara-perkara berikut dicadangkan sebagai penambahbaikan dalam usaha meningkatkan kecekapan dan kualiti pengurusan orang tahanan serta mengelakkan insiden kematian orang tahanan semasa berada di dalam tahanan polis:-

- 10.1 Meminda SOP berkaitan dengan tangkapan supaya jika sekiranya selepas tangkapan dilakukan, didapati terdapat kecederaan fizikal (walaupun kecederaan nampak seperti tidak serius) atau kesukaran keupayaan dialami oleh suspek akibat dari insiden tangkapan, maka suspek itu hendaklah dirujuk terus kepada mana-mana Pegawai Perubatan Kerajaan bagi memastikan tahap keseriusan kecederaan serta status kesihatan suspek tersebut.
- 10.2 PDRM perlu mengadakan “*refresher course*” atau “*refresher training*” yang berterusan secara berkumpulan dan berperingkat kepada semua lapisan pegawai dan anggota yang terlibat di dalam operasi serbuan/ tangkapan untuk memastikan supaya pegawai dan anggota benar-benar memahami dan mengamalkan kehendak serta tatacara yang diperuntukkan dalam kes-kes tangkapan atau operasi yang berkaitan dengan tangkapan.
- 10.3 Memperketatkan dan memantau dengan lebih berkesan pematuhan oleh pegawai dan anggota ke atas SOP Jabatan Siasatan Jenayah khususnya perenggan 4.12 Prosedur Penggeledahan dan Rampasan – PDRM/PK(JSJ):12 berkaitan penyitaan barangan yang dirampas atau disita dan keperluan menyediakan borang geledah atau borang bongkar.
- 10.4 PDRM melakukan kemaskini ke atas SOP berkaitan dan perlu dengan nyata melarang pegawai atau anggota menggunakan peralatan yang tidak dibenarkan atau peralatan yang bukan dibekalkan oleh PDRM dalam apa-apa operasi tangkapan.
- 10.5 Suruhanjaya juga mengesyorkan supaya pindaan dibuat oleh Kerajaan ke atas peruntukan Kanun Keseksaan dan Akta Keterangan 1950 bagi memasukkan peruntukan anggapan (*presumption*) yang akan meletakkan beban bukti ke atas pihak yang mempunyai jagaan dan kawalan ke atas si mati sebagai bertanggung ke atas kecederaan atau kematian si

Perakuan

mati atau orang tahanan sehingga diakaskan sebaliknya oleh pihak itu. Ini akan dapat mengimbangi keadaan dimana monopoli keterangan hanya dimiliki oleh pihak yang melakukan tahanan ke atas si mati atau mangsa.

SENARAI LAMPIRAN-LAMPIRAN

SENARAI LAMPIRAN-LAMPIRAN

(Dokumen-dokumen ini tidak dipaparkan di laman sesawang / buku laporan siasatan tetapi terdapat sebagai lampiran kepada teks Laporan penuh yang diserahkan oleh Suruhanjaya kepada agensi/jabatan terlibat)

BIL	SENARAI DOKUMEN	PENANDAAN
1	Repot Polis Sg Rengit/000816/14 <i>(Laporan berkenaan pergaduhan antara A26 dan si mati)</i>	(D1)
2	Repot Polis Sg Rengit/000817/1 <i>(Penambahan repot berkenaan dokumen/barang yang berada di dalam kereta yang dilarikan si mati)</i>	(D2)
3	Repot Polis Sg Rengit/000818/14 <i>(Laporan bersabit penemuan kereta yang dilarikan si mati)</i>	(D3)
4	Repot Polis Sg Rengit/000823/14 <i>(Laporan Penculikan Hellen)</i>	(D4)
5	Repot Polis Sg Rengit/000825/14 <i>(Laporan Penemuan Hellen)</i>	(D5)
6	Repot Polis Sg Rengit/001026/14 <i>(Laporan Tangkapan si mati)</i>	(D6)
7	Repot Polis Sg Rengit/001027/14 <i>(Laporan Pemeriksaan Rumah A31)</i>	(D7)
8	Repot Polis Sg Rengit/001036/14 <i>(Laporan bapa si mati (A31) berkenaan dengan ketidakpuasan hati akan kematian anaknya)</i>	(D8)
9	Repot Polis Sg Rengit/002169/14 <i>(Laporan kematian si mati)</i>	(D9)
10	Repot Polis Sg Rengit/002170/14 <i>(Laporan pengesanan mayat si mati oleh A4)</i>	(D10)
11	Repot Polis Sg Rengit/002171/14 <i>(Penambahan repot bersabit repot pengesanan mayat)</i>	(D11)

12	Repot Polis Kota Tinggi/008355/14 (Laporan kecederaan B3)	(D12)
13	Repot Polis Sg Rengit/000001-2/12 (Laporan Penangkapan si mati bersabit kes dadah)	(D13)
14	Repot Polis Kota Tinggi/009143/14 (Laporan rampasan telefon bimbit yang merakam pengakuan si mati)	(D14)
15	Laporan Pemeriksaan Awal ke atas si mati oleh Dr Mohd Mahdzan bin Mazelan	(D15)
16	Laporan Pemeriksaan oleh Dr. Azilina Binti Abdul Aziz	(D16)
17	Laporan Pemeriksaan Forensik oleh Dr. Rohayu binti Shahar Adnan dari Hospital Sultan Ismail, Johor Bharu	(D17)
18	Laporan-Laporan daripada Pejabat Kimia Petaling Jaya, Selangor iaitu No.Makmal: 14-FR-B-23598; No.Makmal:14-FR-B-23599; dan No.Makmal:14-FR-B-23600;	(D18)
19	Senarai panggilan keluar bagi no. Telefon 016-7141444 milik (B4)	(D19)
20	Senarai panggilan masuk bagi no. Telefon 016-714 1444 milik (B4)	(D20)
21	Cabutan Buku Perharian Balai bertarikh 20 Oktober 2014 @ SD:9171/14	(D21)
22	Borang Hak-Hak Orang Ditangkap ke atas si mati	(D22)
23	Borang Senarai Geledah ke atas si mati ketika ditangkap pada 3 November 2014	(D23)
24	Rakaman Percakapan (A29) yang dibuat oleh (A5) pada 16 Jun 2015	(D24)

25	Cabutan Buku Perharian Balai IPD Kota Tinggi tarikh mula 16 September 2014 @ SD: 3176/14	(D25)
26	Repot Polis No Sg Rengit/0000829/15 (Laporan Geledah ke atas karpét yang dibuat oleh A5)	(D26)
27	2 keping gambar kenderaan (Kereta Waja yang dinaiki oleh si mati)	(E1)
28	3 keping gambar Klinik Bandar Penawar (tempat yang mengesahkan kematian)	(E2)
29	10 keping gambar tempat di mana si mati ditangkap yang diambil oleh Pasukan Penyiasat Suruhanjaya	(E3)
30	5 keping gambar di Balai Polis Sungai Rengit (tempat si mati ditahan dan disoal siasat) – diambil oleh Pasukan Penyiasat Suruhanjaya	(E4)
31	8 keping gambar tempat di mana si mati ditangkap yang diambil oleh Polis	(E5)
32	80 keping gambar <i>post mortem</i> si mati (yang dikemukakan oleh jurufoto polis)	(E6)
33	4 keping gambar kecederaan anggota polis B3	(E7)
34	7 keping gambar mayat Syed Mohd Azlan yang diambil di Klinik Bandar Penawar oleh A4	(E8)
35	Gambar Pemetaan Perjalanan	(E9)
36	Rakaman Video Pemetaan Perjalanan (Cakera Padat)	(E10)
37	Gambar Karpét	(E11)

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

Aras 5, Bangunan Menara Usahawan

No. 18, Persiaran Perdana

62652 PUTRAJAYA

Emel: aduan@eaic.gov.my

Laman Web: www.eaic.gov.my